

31/12/1998

1998 dalam imbauan

Wanita tempatan dan luar negara turut mencatat pelbagai peristiwa menarik sepanjang tahun 1998. Halaman Wanita dan Keluarga memaparkan antara yang menarik untuk diimbau bersama.

* KEGAWATAN ekonomi yang melanda rantau ini berikutan krisis kewangan dan pasaran saham tidak menghalang usaha memajukan negara.

Wanita sering dianggap golongan paling gemar berbelanja, berjaya membuktikan mereka juga mampu membantu negara memulihkan ekonomi.

Pergerakan Wanita Umno dan Wanita Barisan Nasional turut menyemai sifat menabung di kalangan wanita negara ini menerusi dana dikenali sebagai Amanah Saham Wanita (Asnita)

Asnita dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Mei di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, membabitkan 400 juta unit saham dengan nilai 50 sen seunit.

Hasilnya Asnita mengisytiharkan dividen lapan peratus bersamaan empat sen seunit kepada semua pemegang amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1998. Dividen itu dibayar dalam bentuk unit bonus yang dimasukkan terus ke dalam akaun pelabur mulai Januari depan.

* SEBUAH jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Pemerhati Bebas Wanita ditubuhkan untuk memastikan sasaran minimum 30 peratus wanita menduduki jawatankuasa pembuat dasar menjelang tahun 2003 tercapai.

Jawatankuasa Pemerhati itu ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) serentak dengan Hari Wanita Kebangsaan iaitu 25 Ogos.

Projek pertama yang dilaksanakan jawatankuasa itu ialah menjalankan penyelidikan berkaitan program kritikal termasuk sasaran minimum 30 peratus itu.

Jawatankuasa Pemerhati Bebas Wanita membabitkan lelaki dan wanita ditubuh untuk memantau secara serius semua program semasa yang diputuskan dalam persidangan wanita antarabangsa lalu.

Empat persidangan itu ialah Persidangan Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Untuk Wanita di Mexico pada 1975, Copenhagen (1980), Nairobi (1985) dan Beijing (1996).

Matlamat penubuhan kumpulan itu ialah melindungi dan meningkatkan hak lelaki dan wanita dalam keluarga, menjalin hubungan rapat dengan jabatan dan agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertujuan menilai kedudukan wanita serta menjadi pendesak perubahan.

* PAHANG membuka lembaran baru dalam menjaga hak wanita apabila bercadang meminda undang-undang tanah negeri dengan memasukkan nama isteri sebagai pemegang hak milik tanah di rancangan Felda.

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata pindaan undang-undang itu penting kerana peneroka yang memasuki Felda berasaskan pasangan sudah berkahwin.

Secara rasional nama isteri perlu dimasukkan dalam surat hak milik tanah bagi menjamin isteri mendapat layanan lebih adil oleh suami yang berkahwin lain.

* WANITA Malaysia sememangnya hebat. Ini terbukti apabila ibu kepada lima anak, Nordziah Mohd Nor, 39, menjadi wanita Asia pertama melakukan terjun bebas di Kutub Utara, kawasan paling sejuk di dunia.

Sejak awal pengumuman Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara lagi, beliau sudah menunjukkan komitmen, kesungguhan dan kebolehannya.

Pada 21 April beliau bersama 15 peserta ekspedisi itu berjaya menakluki

Kutub Utara dan mengibarkan Jalur Gemilang.

* Dr Roshida Ishak mencipta sejarah dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) apabila menjadi pegawai wanita pertama dinaikkan pangkat kolonel.

Kenaikan pangkat itu dibuat berdasarkan kewibawaan dan kepakarannya.

Beliau yang berkhidmat selama 17 tahun sebagai Pakar Parodontologi di bahagian Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Pertahanan sebelum ini berpangkat Leftenan Kolonel.

Kenaikan pangkat itu diharap dapat mendorong pegawai wanita berusaha lebih gigih.

* PADA 3 Jun lalu, Norlela Ab Malek bukan sahaja mencatat sejarah, tetapi juga berjaya membuka satu lagi peluang pekerjaan untuk wanita iaitu sebagai posnita dengan Pos Malaysia.

Sebelum ini masyarakat hanya mengenali posmen yang setia menghantar surat ke rumah masing-masing tetapi mungkin selepas ini kita akan melihat ramai wanita melakukannya.

Itu memang bukan mustahil lagi kerana Norlela sudah membuktikannya. Pada sesetengah orang, pekerjaan itu tidak ada istimewanya tetapi inilah peluang untuk wanita menambah kerjaya mereka.

Lebih hebat namanya mungkin tersenarai dalam Guinness Malaysia Book of Record.

* SEBUAH galeri yang dinamakan Pustaka Wanita Negara akan diwujudkan di ibu kota bagi menghargai sumbangan besar wanita dalam pelbagai bidang di negara ini, seawal-awalnya dua tahun lagi.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Habibah Zon, berkata galeri itu akan dibina di tapak bekas bangunan Biro Pencegah Rasuah (BPR), Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur.

Kerajaan juga sudah meluluskan penubuhannya tetapi terpaksa ditunda selepas tahun 2000 ekoran kegawatan ekonomi.

Pustaka Wanita Negara itu akan menampilkan konsep pameran yang menampilkan bukan saja bahan bertulis atau artifak tetapi juga koleksi peribadi seperti pakaian.

Arkib Negara masih menjalankan usaha untuk mengumpulkan butiran mengenai wanita yang boleh dianggap sebagai tokoh dalam bidang masing-masing.

* BUAT pertama kalinya, Malaysia menghantar seorang duta wanita ke Perancis pada tahun ini.

Dr Rajmah Hussain, sebelum ini adalah Timbalan Ketua Perwakilan Malaysia di Washington selama empat tahun. Beliau mula berkhidmat di Wisma Putra 22 tahun lalu iaitu pada Januari 1976 sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Asean di Kementerian Luar selepas menamatkan kursus Sarjana Politik di London School of Economics.

* JULUNG kalinya, Biro Pembangunan Industri dan Keusahawanan Pergerakan Wanita Umno menganjurkan secara besar-besaran Ekspo Niaga Wanita '98 pada 12 hingga 15 September.

Seramai 80 pengusaha wanita akan `berkampung' selama empat hari di Plaza Putra, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Ekspo itu bertemakan Wanita Malaysia Boleh.

Objektif ekspo itu ialah menyahut seruan kerajaan menggalakkan rakyat membeli barangan buatan Malaysia bagi mengurangkan pengaliran keluar ringgit di samping mengumpul seberapa ramai pengusaha wanita yang sedang atau yang baru menjalankan perniagaan.

* HAMPIR 20,000 pekerja diberhentikan perkhidmatan sejak Januari hingga April ini dan lebih 65 peratus daripadanya adalah wanita.

Walaupun angka pemberhentian kerja yang diberi oleh Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MUC), Zainal Rampak ini tidak mengejutkan dalam keadaan kegawatan ekonomi ini, namun bilangan pekerja wanita yang terbabit perlu diberi perhatian.

Satu daripada alasan kadar wanita yang diberhentikan lebih tinggi ialah

kebanyakan sektor terbabit termasuk perkilangan, perkhidmatan dan beberapa industri lain dimonopoli wanita.

Ada pihak mendakwa kurang benar majikan masih mengamalkan gender ketika melakukan perberhentian kerja tetapi seperti kata, Zainal masih ada majikan yang mendahulukan pekerja wanita untuk diberhentikan.

* WANITA turut mempamerkan persembahan mantap dalam acara sukan. Nurul Hudda Baharin berjaya memberikan emas untuk negara menerusi acara air rifle individu dalam Sukan Komanwel ke-16 di Kuala Lumpur pada 11 September hingga 21 September.

Lebih membanggakan beliau juga memecahkan rekod sukan itu walaupun mengalami kecederaan sebelum acara itu berlangsung.

Hasil kegigihannya anggota Polis Di Raja Malaysia di Bukit Aman itu berjaya memenangi kereta Proton Perdana dan wang tunai yang bernilai hampir RM120,000.

* SELEPAS pertelingkahan undang-undang yang panjang, akhirnya Disember lalu, Mesir membuat keputusan, menyunatkan anak perempuan adalah menyalahi undang-undang.

Bagaimanapun, di kawasan fundamentalis Islam masih ramai yang mahu terus berpegang kepada amalan yang dianggap 'melindungi' kesucian anak perempuan mereka.

Kebanyakan keluarga berpendapat menyunatkan kanak-kanak perempuan adalah wajib dalam kehidupan mereka sehingga sanggup mengetepikan keputusan mahkamah.

Doktor atau orang lain yang menjalankan aktiviti akan dikenakan hukuman sehingga tiga tahun penjara.

* Pepatah menyebut, kejayaan seseorang lelaki adalah hasil sokongan wanita dan begitu juga kejatuhan mereka.

Kewibawaan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton terjejas apabila bekas pelatih White House, Monica Lewinsky mendedahkan hubungan cinta mereka kepada umum.

Pendedahan itu sekali gus membuktikan wanita berfungsi penting dalam keamanan sesebuah negara.

Walaupun isu ini belum selesai namun jelas masa depan Clinton dalam politik seolah-olah berada di hujung tanduk.

* NKEM Chukwu, 27, dari Houston menjadi ibu pertama yang melahirkan bayi kembar lapan di dunia.

Beliau yang mengambil pil penyubur melahirkan enam anak perempuan dan dua lelaki. Seorang daripada bayi itu meninggal dunia kerana terlalu kecil.

(END)